



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 OGOS 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,821 kes** (96.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 13 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **15 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,129 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 183 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 15 kes baharu yang dilaporkan, empat (4) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan semua **warganegara Malaysia**. Empat (4) kes import tersebut adalah dari negara:

- Indonesia (3 kes di Selangor); dan
- Yaman (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Daripada 11 kes **penularan di dalam negara**, 10 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia dan satu (1) kes adalah di kalangan **bukan warganegara** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu kes saringan sebelum bertolak ke luar negara.

Perincian baki kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (10 kes) adalah:

- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: satu (1) kes saringan pra pembedahan di sebuah pusat perubatan. Beliau telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh;
- Kedah: sembilan (9) kes daripada Kluster Tawar. Kluster ini akan diperincikan di bawah.

Sehingga kini, terdapat **dua (2) kes** positif COVID-19 sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **125 kes** (1.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

KLUSTER TAWAR

KKM ingin memaklumkan bahawa satu kluster baharu yang kebanyakannya bertumpu di Mukim Tawar, Kedah telah dikenalpasti. Kes pertama kluster ini (iaitu kes ke-9113) adalah lelaki warganegara Malaysia yang merupakan seorang peniaga. Beliau mempunyai sejarah menghadiri upacara keagamaan memperingati kematian ahli keluarga yang telah berlangsung dari 31 Julai 2020 hingga 1 Ogos 2020. Upacara ini dianggarkan telah dihadiri seramai 30 orang. Pada 8 Ogos 2020, beliau mula mengalami sakit dada serta gejala demam dan telah segera mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan. Saringan COVID-19 dijalankan pada 9 Ogos 2020 dan dikesan positif pada 11 Ogos 2020.

Susulan itu, aktiviti pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat telah dijalankan. Sehingga 13 Ogos 2020, 86 kontak rapat beliau telah disaring yang termasuk ahli keluarga, kontak rapat di hospital dan lain-lain kontak. Daripada jumlah ini:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19;
- 21 negatif; dan
- 56 masih menunggu keputusan.

Kesemua kes baharu kluster ini adalah ahli keluarga beliau, di mana tiga (3) kes didapati mempunyai gejala. Sembilan (9) daripada kes positif termasuk kes pertama mempunyai sejarah menghadiri upacara sembahyang kematian tersebut.

Pengesanan kes secara aktif sedang diteruskan. Langkah-langkah pencegahan dan pembendungan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar telah dijalankan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti. Punca jangkitan masih di dalam siasatan.

STATUS TERKINI KES DISYAKI POSITIF DI LEMBAH PANTAI

Merujuk kepada berita tular kes bergejala seorang pelajar sebuah sekolah di Seri Pantai, KKM ingin memaklumkan bahawa ujian pengesanan COVID-19 telah diulang sebanyak 2 kali dalam tempoh 24 jam dan didapati negatif. Tindakan proaktif saringan kontak rapat telah dijalankan untuk 54 individu yang melibatkan 42 di sekolah menengah kebangsaan, 4 ahli keluarga, 5 rakan keluarga dan 3 anggota kesihatan. Kesemua ujian pengesanan COVID-19 untuk 54 individu ini adalah negatif.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM menyeru orang ramai agar terus amalkan nasihat-nasihat yang sering ditekankan oleh KKM sebagai satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian. Antara nasihat-nasihat tersebut adalah seperti berikut:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis

Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elakkan bersalaman / bersentuhan;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan

memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

13 Ogos 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 13 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	30
KEDAH	9	143
PULAU PINANG	0	125
PERAK	0	269
SELANGOR	3 (3)	2,142
NEGERI SEMBILAN	0	1,032
MELAKA	0	259
JOHOR	0	749
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	0	415
SARAWAK	0	681
W.P. KUALA LUMPUR	3 (1)	2,520
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	22
JUMLAH KESELURUHAN	15 (4)	9,129

*() adalah merujuk kepada kes-kes import